

UNTUK SIARAN SEGERA



PEJABAT MENTERI PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**KPM BERI TUMPUAN KEPADA PERSEKOLAHAN MURID
WARGANEGARA MALAYSIA YANG TERJEJAS KEBAKARAN DI
SANDAKAN, BANTUAN TERBAIK SEGERA DISALURKAN**

Kementerian Pendidikan (KPM) mengambil perhatian saranan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk memberi tumpuan kepada persekolahan murid yang terjejas insiden kebakaran di Kampung Bahagia, Sandakan, Sabah baru-baru ini.

Bantuan khas RM300 bagi setiap murid warganegara Malaysia yang terjejas telah dikreditkan ke akaun sekolah. Pihak sekolah akan segera melaksanakan agihan bantuan tersebut kepada murid. Bantuan ini dapat digunakan untuk melakukan persediaan kelengkapan persekolahan.

Murid terjejas diberi kelonggaran pakaian seragam sekolah. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Sandakan turut telah diminta untuk memenuhi keperluan murid termasuk bantuan pengangkutan ke sekolah. Sokongan psikososial juga disediakan untuk murid, guru dan warga pendidikan.

KPM berusaha memastikan bantuan terbaik dapat disalurkan kepada semua murid terjejas dan aspek kebajikan serta kesejahteraan diberi perhatian.

TAMAT

**FADHLINA SIDEK
MENTERI PENDIDIKAN
23 APRIL 2026**